

18 JUN 1998

UMNO-Perpaduan

UCAPAN ANWAR KUATKAN LAGI PERPADUAN PARTI, KATA PEMIMPIN UMNO

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Kalangan pemimpin tertinggi Umno hari ini berkata kenyataan Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya seluruh anggota parti bersatu di belakang pucuk pimpinan dapat memperkukuhkan lagi perpaduan dalam parti.

Mereka berpendapat ucapan Timbalan Perdana Menteri ketika merasmikan perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO itu memberi penekanan kepada pentingnya kestabilan politik dan pemulihan ekonomi.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata ucapan Anwar mengutamakan usaha yang perlu dilakukan untuk memulihkan ekonomi negara.

"Ini kerana kalau kita gagal, akibatnya tidak baik kepada negara kita," kata beliau kepada pemberita ketika ditanya mengenai ucapan Anwar pada majlis perasmian itu.

Anwar telah berkata antara lain "UMNO perlu bersatu dalam satu saf yang padu bersama pimpinan kita yang diterajui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir (Mohamad) untuk menghadapi suasana getir ini."

Adullah yang juga Menteri Luar. berkata: "Kita (UMNO) tidak sepatutnya terganggu dengan apa-apa tindakan yang boleh menyulitkan dan menjejaskan usaha ke arah pemulihan ekonomi."

Beliau berkata kerajaan pimpinan Dr Mahathir telah menunjukkan satu kezaman politik yang begitu kuat untuk memulihkan ekonomi walaupun tanpa penglibatan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

Abdullah juga berkata isu nepotisme yang dibangkitkan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Datuk Ahmad Zahid Hamidi tidak mewujudkan sebarang ketegangan "tetapi ada pihak yang (sengaja) ingin timbulkan ketegangan."

Ketua Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Abu Hassan Omar pula berkata anggota UMNO perlu memberi sokongan padu kepada kepimpinan parti dalam usaha mengatasi kegawatan ekonomi.

"Kita mesti ada hubungan dua hala supaya kita dapat memahami aspirasi kepimpinan," kata beliau.

Beliau berkata tugas untuk memulihkan ekonomi bukan sahaja tanggungjawab pemimpin tetapi semua anggota parti.

Ketua Penerangan UMNO, Datuk Dr Yusof Nor berkata ucapan Anwar itu perlu "diterjemahkan" kepada tindakan kerana ia menghuraikan perkara-perkara yang boleh dijadikan panduan dalam bidang ekonomi dan politik.

"Ucapan beliau sesuai dengan keadaan dalam parti," kata Dr Yusof.

-- BERNAMA

ES NMO